



**ANGGARAN HASIL  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
***ESTIMATES OF  
FEDERAL GOVERNMENT REVENUE***  
**2016**



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**Kertas Perintah 40 Tahun 2015  
MALAYSIA**

---

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

---

**ANGGARAN HASIL  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 2016**

**KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA**



**KANDUNGAN**  
**CONTENTS**

**MUKA**  
**SURAT**  
**PAGE**

<b>Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016.....</b>	1
Klasifikasi Hasil.....	1
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Disemak Tahun 2015.....	2
Hasil Cukai.....	2
Cukai Langsung.....	2
Cukai Tidak Langsung.....	4
Hasil Bukan Cukai.....	5
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	5
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2016.....	5
Hasil Cukai.....	6
Cukai Langsung.....	6
Cukai Tidak Langsung.....	7
Hasil Bukan Cukai.....	8
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	8
Lampiran A1 – A3	9
 <b>Treasury Memorandum On The Federal Government Revenue Estimates For 2016.....</b>	15
Classification of Revenue.....	15
Revised Estimates of 2015 Federal Government Revenue.....	16
Tax Revenue.....	16
Direct Tax.....	16
Indirect Tax.....	17
Non-Tax Revenue.....	19
Non-Revenue Receipts and Revenue from Federal Territories.....	19
Estimates of Federal Government Revenue for 2016.....	19
Tax Revenue.....	20
Direct Tax.....	20
Indirect Tax.....	21
Non-Tax Revenue.....	22
Non-Revenue Receipts and Revenue from Federal Territories.....	22
Appendix A1 – A3	23
 <b>Pro-Forma Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2015</b>	29
<b><i>Pro-Forma Balance Sheet As At 31 December 2015.....</i></b>	29
 <b>Ringkasan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2016</b>	33
<b><i>Abstract of Federal Government Revenue Estimates 2016....</i></b>	33
 <b>Butir-Butir Anggaran Hasil Tahun 2016</b>	37
<b><i>Details of Revenue Estimates for 2016.....</i></b>	37
 <b>Jumlah Hasil Selepas Langkah-Langkah Percukaian</b>	127
<b><i>Total Revenue After Tax Measures.....</i></b>	127



**MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI  
ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016**

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2016 dan semakan hasil bagi tahun 2015. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99, Perlembagaan Persekutuan.
2. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2016 dianggarkan berjumlah **RM225,656 juta**. Jumlah ini belum mengambil kira langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2016. Butiran lanjut pungutan sebenar tahun 2014, anggaran disemak tahun 2015 dan anggaran hasil bagi tahun 2016 adalah seperti di **Lampiran A1** dan **A2**.

**KLASIFIKASI HASIL**

3. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada empat kategori utama, iaitu **Hasil Cukai**, **Hasil Bukan Cukai**, **Terimaan Bukan Hasil** dan **Hasil daripada Wilayah Persekutuan**.
4. **Hasil Cukai** diklasifikasikan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung.
5. Hasil Cukai Langsung termasuk:
  - a. Cukai pendapatan (individu, syarikat, petroleum, pegangan dan koperasi);
  - b. Duti setem;
  - c. Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT); dan
  - d. Cukai aktiviti perniagaan Labuan.
6. Hasil Cukai Tidak Langsung pula termasuk hasil Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), duti eksport, duti import, duti eksais dan levi. Manakala, cukai jualan dan cukai perkhidmatan masih dikenakan bagi tempoh bulan Januari hingga Mac 2015 sebelum digantikan dengan GST bermula 1 April 2015.
7. **Hasil Bukan Cukai** terdiri daripada:
  - a. lesen dan permit: semua bayaran yang dikenakan berkaitan dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan termasuk royalti petroleum dan perusahaan lain serta lesen kenderaan bermotor bagi tujuan kawalan atau peraturan;
  - b. bayaran perkhidmatan: terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam;
  - c. perolehan daripada jualan barang: terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh Kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat, stor dan jualan barang pelbagai jenis;
  - d. sewaan: sewa tanah, bangunan, kenderaan dan jentera;
  - e. faedah dan pulangan pelaburan: perolehan daripada pelupusan pelaburan, dividen daripada saham, pendapatan faedah dan kupon bon serta faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan;
  - f. denda dan hukuman: bayaran penyelesaian luar mahkamah serta denda dan rampasan;
  - g. sumbangan dan bayaran ganti daripada luar negeri dan sumbangan tempatan; dan
  - h. aktiviti mencari minyak dan gas: pendapatan daripada aktiviti mencari gali minyak dan gas antara Malaysia – Thailand Joint Authority (MTJA).

8. **Terimaan Bukan Hasil** termasuk:

- a. pulangan balik perbelanjaan: terimaan balik bayaran daripada tahun sebelumnya, pulangan balik gaji kerana peletakan jawatan, pulangan balik perbelanjaan latihan, daptan balik wang amanah dan wang tak dituntut; dan
- b. terimaan daripada agensi Kerajaan: pindahan dana antara Kementerian atau Jabatan bagi perkhidmatan yang diberi di antara agensi Kerajaan, bayaran balik ke atas sumbangan Kerajaan di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sumbangan daripada jabatan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik Kerajaan.

9. **Hasil daripada Wilayah Persekutuan** terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium dan cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

### **ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN DISEMAK TAHUN 2015**

10. Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan disemak tahun 2015 dijangka meningkat 0.8% kepada RM222,455 juta (2014: RM220,626 juta). Peningkatan hasil adalah disumbang terutamanya oleh kutipan GST yang dilaksanakan bermula 1 April 2015. Kutipan GST dianggar sebanyak RM27,000 juta pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, peningkatan keseluruhannya adalah marginal berikutan semakan semula andaian harga purata *Dated Brent* daripada USD100 sebarel kepada USD50 sebarel disebabkan kejatuhan harga minyak mentah dunia. Ringkasan anggaran hasil disemak tahun 2015 berbanding kutipan sebenar tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Ringkasan Komponen Hasil Utama**

<b>Klasifikasi Hasil</b>	<b>2014 Sebenar</b>	<b>2015 Anggaran Disemak</b>		<b>Pertumbuhan</b>	
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
<b>Hasil Cukai</b>	<b>164,205</b>	<b>170,018</b>	<b>76.4</b>	<b>5,813</b>	<b>3.5</b>
Cukai Langsung	126,743	116,760	52.5	(9,983)	(7.9)
Cukai Tidak Langsung	37,462	53,258	23.9	15,796	42.2
<b>Hasil Bukan Cukai</b>	<b>53,899</b>	<b>50,095</b>	<b>22.5</b>	<b>(3,804)</b>	<b>(7.1)</b>
<b>Terimaan Bukan Hasil</b>	<b>1,667</b>	<b>1,473</b>	<b>0.7</b>	<b>(194)</b>	<b>(11.6)</b>
<b>Hasil daripada Wilayah Persekutuan</b>	<b>855</b>	<b>869</b>	<b>0.4</b>	<b>14</b>	<b>1.6</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>220,626</b>	<b>222,455</b>	<b>100.0</b>	<b>1,829</b>	<b>0.8</b>

### **HASIL CUKAI**

11. **Hasil cukai** disemak tahun 2015 diunjur sebanyak RM170,018 juta (76.4%) daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan (RM222,455 juta). Cukai langsung kekal sebagai komponen terbesar dan dijangka menyumbang 52.5% kepada jumlah hasil manakala cukai tidak langsung menyumbang sebanyak 23.9%.

#### **Cukai Langsung**

12. Anggaran hasil **cukai langsung** disemak tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 2**. Hasil cukai langsung dianggar berkang 7.9% kepada RM116,760 juta, iaitu 68.7% daripada jumlah hasil cukai atau 52.5% daripada jumlah hasil keseluruhan.

**Jadual 2: Hasil Cukai Langsung**

Sumber	2014 Sebenar	2015 Anggaran Disemak		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<b>Cukai Pendapatan</b>	<b>118,996</b>	<b>108,362</b>	<b>92.8</b>	<b>(10,634)</b>	<b>(8.9)</b>
Individu	24,423	28,155	24.1	3,732	15.3
Syarikat	65,240	68,320	58.5	3,080	4.7
Petroleum	26,956	9,529	8.2	(17,427)	(64.6)
Pegangan	2,184	2,264	1.9	80	3.7
Koperasi	169	71	0.1	(98)	(58.0)
Lain-Lain	24	23	0.0	(1)	(4.2)
<b>Cukai Langsung Yang Lain</b>	<b>7,747</b>	<b>8,398</b>	<b>7.2</b>	<b>651</b>	<b>8.4</b>
Duit Setem	6,458	6,188	5.3	(270)	(4.2)
CKHT	1,210	2,128	1.8	918	75.9
Lain-Lain	79	82	0.1	3	3.8
<b>JUMLAH</b>	<b>126,743</b>	<b>116,760</b>	<b>100.0</b>	<b>(9,983)</b>	<b>(7.9)</b>

13. **Cukai pendapatan** dijangka berkurang 8.9% kepada RM108,362 juta (2014: RM118,996 juta). Penurunan cukai pendapatan disebabkan oleh pengurangan cukai pendapatan petroleum sebanyak RM17,427 juta (-64.6%) berbanding tahun 2014. Cukai pendapatan dijangka menyumbang 92.8% kepada cukai langsung dengan komponen utamanya, merangkumi cukai pendapatan syarikat (58.5%), cukai pendapatan individu (24.1%) dan cukai pendapatan petroleum (8.2%).

14. Cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat 4.7% kepada RM68,320 juta (2014: RM65,240 juta) pada tahun 2015 selaras dengan pertumbuhan KDNK yang terus kukuh pada kadar 4.5% – 5.5%, pematuhan cukai yang lebih tinggi dan pengauditan yang lebih menyeluruh.

15. Pada tahun 2015, cukai pendapatan individu dijangka meningkat 15.3% kepada RM28,155 juta disumbang oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang stabil meskipun kadar cukai pendapatan individu telah diturunkan antara 1% – 3% bagi semua banjaran pendapatan bermula tahun 2015. Selain itu, peningkatan bilangan pembayar cukai seramai 10,240 orang kepada 2.1 juta pembayar cukai turut menyumbang kepada kutipan cukai pendapatan individu yang lebih tinggi.

16. Hasil cukai pendapatan petroleum tahun 2015 dijangka turun mendadak 64.6% kepada RM9,529 juta (2014: RM26,956 juta). Ini disebabkan semakan semula ansuran cukai bulanan yang lebih rendah oleh syarikat berkaitan petroleum selaras dengan andaian kejatuhan harga minyak mentah dunia.

17. Hasil **cukai langsung yang lain** terdiri daripada duti setem, CKHT dan lain-lain cukai dijangka meningkat 8.4% kepada RM8,398 juta. Peningkatan ini disumbang terutamanya oleh CKHT yang berjumlah RM2,128 juta (2014: RM1,210 juta) berikutan peningkatan kadar CKHT yang diumumkan dalam Bajet 2015.

## Cukai Tidak Langsung

18. Anggaran hasil disemak **cukai tidak langsung** tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 3**. Hasil cukai tidak langsung dijangka menyumbang RM53,258 juta, meningkat RM15,796 juta berbanding tahun 2014.

**Jadual 3: Hasil Cukai Tidak Langsung**

Sumber	2014 Sebenar	2015 Anggaran Disemak		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	1,893	1,053	2.0	(840)	(44.4)
Duti Import	2,670	2,727	5.1	57	2.1
Duti Eksais	12,925	12,168	22.8	(757)	(5.9)
Cukai Jualan	10,939	4,784	9.0	(6,155)	(56.3)
Cukai Perkhidmatan	6,277	2,851	5.4	(3,426)	(54.6)
GST	—	27,000	50.7	27,000	—
Levi	216	150	0.3	(66)	(30.6)
Lain-Lain	2,542	2,525	4.7	(17)	(0.7)
<b>JUMLAH</b>	<b>37,462</b>	<b>53,258</b>	<b>100.0</b>	<b>15,796</b>	<b>42.2</b>

19. Hasil duti eksport dijangka menyusut ketara 44.4% (RM840 juta) kepada RM1,053 juta (2014: RM1,893 juta) berikutan kesan penurunan harga minyak mentah dunia. Petroleum mentah merupakan penyumbang terbesar kepada kutipan duti eksport.

20. Hasil duti import dijangka meningkat marginal 2.1% kepada RM2,727 juta atau 5.1% daripada keseluruhan cukai tidak langsung. Peningkatan ini akan disumbang terutamanya oleh besi keluli, tayar kenderaan serta resin dan bahan plastik.

21. Duti eksais dijangka mengecil 5.9% kepada RM12,168 juta (2014: RM12,925 juta) terutamanya disebabkan oleh jangkaan penurunan permintaan kenderaan bermotor. Bagi tempoh separuh pertama tahun 2015, jualan kenderaan bermotor telah menyusut 3.3% berbanding tahun 2014 dan trend ini dijangka berterusan bagi tempoh separuh kedua tahun 2015. Walau bagaimanapun, duti eksais rokok dijangka meningkat 2.8% kepada RM3,513 juta (2014: RM3,417 juta). Duti eksais minuman beralkohol dijangka meningkat 2.1% kepada RM1,532 juta (2014: RM1,500 juta).

22. Pada 1 April 2015, GST menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kutipan GST dijangka berjumlah RM27,000 juta bagi baki tempoh sembilan bulan terakhir tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, GST ke atas barang dan perkhidmatan tempatan dianggarkan RM13,845 juta (51.3%) manakala GST Import dianggarkan RM13,155 juta (48.7%). Anggaran disemak yang lebih besar ini adalah berikutan pertambahan bilangan syarikat berdaftar kepada 390,378 sehingga akhir bulan September tahun 2015 berbanding anggaran asal iaitu 146,000 syarikat. Pertambahan syarikat berdaftar telah meningkatkan tahap pematuhan cukai. Selain itu, hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan dianggar mencatat RM7,635 juta bagi tempoh bulan Januari hingga Mac 2015.

23. Kutipan levi dijangka berkurang 30.6% kepada RM150 juta (2014: RM216 juta). Ini berikutan anggaran harga purata minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah kepada RM2,300 setiap tan metrik (2014: RM2,584 setiap tan metrik), iaitu di bawah paras *threshold*<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Threshold levi keuntungan luar biasa buah kelapa sawit di Semenanjung Malaysia ialah RM2,500 setiap tan metrik manakala threshold bagi Sabah dan Sarawak ialah RM3,000 setiap tan metrik

Selain itu, hasil pelbagai cukai tidak langsung tahun 2015 dijangka kekal stabil sekitar RM2,500 juta.

## HASIL BUKAN CUKAI

24. Anggaran **hasil bukan cukai** tahun 2015 dijangka berkurang 7.1% kepada RM50,095 juta disebabkan terutamanya oleh kutipan yang lebih rendah daripada lesen dan permit pada RM12,460 juta serta faedah dan pulangan pelaburan pada RM32,172 juta, seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4: Hasil Bukan Cukai**

Sumber	2014 Sebenar	2015 Anggaran Disemak		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Lesen & Permit	14,254	12,460	24.9	(1,794)	(12.6)
Bayaran Perkhidmatan	1,452	1,435	2.9	(17)	(1.2)
Perolehan daripada Jualan Barang	1,096	465	0.9	(631)	(57.6)
Sewaan	188	109	0.2	(79)	(42.0)
Faedah & Pulangan Pelaburan	33,756	32,172	64.2	(1,584)	(4.7)
Denda & Penalti	1,117	1,158	2.3	41	3.7
Lain-Lain	2,036	2,296	4.6	260	12.8
<b>JUMLAH</b>	<b>53,899</b>	<b>50,095</b>	<b>100.0</b>	<b>(3,804)</b>	<b>(7.1)</b>

25. Penyusutan dalam kutipan lesen dan permit disebabkan terutamanya oleh pengurangan terimaan daripada royalti petroleum sebanyak 32.4% kepada RM4,415 juta (2014: RM6,532 juta). Manakala lesen kenderaan bermotor dijangka meningkat 6.5% kepada RM2,697 juta (2014: RM2,532 juta). Levi pekerja asing dijangka meningkat 2.3% kepada RM2,699 juta, (2014: RM2,638 juta). Walau bagaimanapun, faedah dan pulangan pelaburan diunjur menurun 4.7% disebabkan terutamanya oleh pengurangan dividen daripada PETRONAS.

## TERIMAAN BUKAN HASIL DAN HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN

26. **Terimaan Bukan Hasil** dijangka menyusut 11.6% kepada RM1,473 juta (2014: RM1,667 juta). Manakala **hasil daripada Wilayah Persekutuan** dianggar meningkat 1.6% kepada RM869 juta (2014: RM855 juta) disumbang terutamanya oleh premium dan cukai tanah serta duti hiburan.

## ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2016

27. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016, sebelum mengambil kira langkah percukaian dalam Bajet 2016, dianggar meningkat 1.4% kepada RM225,656 juta (2015: RM222,455 juta).

28. **Hasil cukai** pada tahun 2016 dijangka mencatat RM183,553 juta atau 81.3% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan. Hasil cukai langsung dijangka menyumbang RM125,566 juta atau 55.6% daripada keseluruhan hasil manakala cukai tidak langsung pula RM57,987 juta atau 25.7% kepada keseluruhan hasil. Sumbangan **hasil bukan cukai** pula, dianggar RM39,648 juta (17.6%) manakala baki RM2,455 juta (1.1%) terdiri daripada **Terimaan Bukan Hasil** dan **Hasil daripada Wilayah Persekutuan**. Ringkasan komponen utama adalah seperti di **Jadual 5**. Perbandingan anggaran hasil tahun 2016 dengan anggaran disemak tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran A2**.

**Jadual 5: Ringkasan Komponen Utama Hasil**

Klasifikasi Hasil	2015 Anggaran Disemak	2016 Anggaran Bajet		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<b>Hasil Cukai</b>	<b>170,018</b>	<b>183,553</b>	<b>81.3</b>	<b>13,535</b>	<b>8.0</b>
Cukai Langsung	116,760	125,566	55.6	8,806	7.5
Cukai Tidak Langsung	53,258	57,987	25.7	4,729	8.9
<b>Hasil Bukan Cukai</b>	<b>50,095</b>	<b>39,648</b>	<b>17.6</b>	<b>(10,447)</b>	<b>(20.9)</b>
Terimaan Bukan Hasil	1,473	1,504	0.7	31	2.1
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	869	951	0.4	82	9.4
<b>JUMLAH</b>	<b>222,455</b>	<b>225,656</b>	<b>100.0</b>	<b>3,201</b>	<b>1.4</b>

**Cukai Langsung**

29. Anggaran **hasil cukai langsung** tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 6**. Hasil cukai langsung dijangka menyumbang RM125,566 juta atau 68.4% kepada jumlah hasil cukai.

**Jadual 6: Hasil Cukai Langsung**

Sumber Hasil	2015 Anggaran Disemak	2016 Anggaran Bajet		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<b>Cukai Pendapatan</b>	<b>108,362</b>	<b>116,558</b>	<b>92.8</b>	<b>8,196</b>	<b>7.6</b>
Individu	28,155	30,266	24.1	2,111	7.5
Syarikat	68,320	74,381	59.2	6,061	8.9
Petroleum	9,529	9,331	7.4	(198)	(2.1)
Pegangan	2,264	2,473	2.0	209	9.2
Koperasi	71	84	0.1	13	18.3
Lain-Lain	23	23	0.0	—	—
<b>Cukai Langsung Lain</b>	<b>8,398</b>	<b>9,008</b>	<b>7.2</b>	<b>610</b>	<b>7.3</b>
Duti Setem	6,188	6,766	5.4	578	9.3
CKHT	2,128	2,163	1.7	35	1.6
Lain-Lain	82	79	0.1	(3)	(3.7)
<b>JUMLAH</b>	<b>116,760</b>	<b>125,566</b>	<b>100.0</b>	<b>8,806</b>	<b>7.5</b>

30. **Cukai pendapatan** tahun 2016 dijangka berjumlah RM116,558 juta, 7.6% lebih tinggi daripada anggaran disemak tahun 2015 sebanyak RM108,362 juta selaras dengan aktiviti ekonomi yang mapan. Anggaran cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat 8.9% kepada RM74,381 juta (2015: RM68,320 juta). Cukai pendapatan individu dianggar meningkat 7.5%

kepada RM30,266 juta (2015: RM28,155 juta). Peningkatan anggaran ini disokong oleh aktiviti ekonomi yang kekal berdaya tahan, penambahbaikan penguatkuasaan dan pengauditan serta pematuhan cukai yang lebih meluas di kalangan pembayar cukai.

31. Cukai pendapatan petroleum pula dijangka berkurang 2.1% kepada RM9,331 juta (2015: RM9,529 juta) selaras dengan anggaran harga petroleum mentah yang kekal rendah pada USD48 sebarel.

32. Duti setem dianggar meningkat 9.3% kepada RM6,766 juta (2015: RM6,188 juta) selaras dengan jangkaan pertumbuhan positif ke atas sektor hartanah, pasaran saham dan sektor insurans pada tahun 2016.

### **Cukai Tidak Langsung**

33. Unjuran **hasil cukai tidak langsung** adalah seperti di **Jadual 7**. Hasil cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM57,987 juta atau 31.6% daripada jumlah hasil cukai. Hasil cukai tidak langsung dijangka meningkat 8.9% berbanding anggaran disemak tahun 2015 (RM53,258 juta).

**Jadual 7: Hasil Cukai Tidak Langsung**

Sumber	2015 Anggaran Disemak	2016 Anggaran Bajet		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	1,053	1,012	1.7	(41)	(3.9)
Duti Import	2,727	2,791	4.8	64	2.3
Duti Eksais	12,168	12,408	21.4	240	2.0
Cukai Jualan	4,784	—	—	(4,784)	—
Cukai Perkhidmatan	2,851	—	—	(2,851)	—
GST	27,000	39,000	67.3	12,000	44.4
Levi	150	150	0.3	—	—
Lain-Lain	2,525	2,626	4.5	101	4.0
<b>JUMLAH</b>	<b>53,258</b>	<b>57,987</b>	<b>100.0</b>	<b>4,729</b>	<b>8.9</b>

34. Duti eksport ke atas komoditi dijangka sebanyak RM1,012 juta (2015: RM1,053 juta). Penyusutan ini disebabkan oleh hasil duti eksport ke atas petroleum mentah yang dijangka berkurang kepada RM900 juta (2015: RM904 juta).

35. Duti import dijangka mencatat RM2,791 juta ekoran jangkaan permintaan kukuh ke atas motokar CBU, alat ganti kenderaan bermotor, mesin dan alat ganti serta tayar kenderaan. Hasil duti import ke atas minuman beralkohol dijangka meningkat 5.1% kepada RM123 juta (2015: RM117 juta). Manakala duti import ke atas rokok juga dijangka meningkat 2.2% kepada RM46 juta (2015: RM45 juta).

36. Duti eksais pula dijangka meningkat 2% kepada RM12,408 juta (2015: RM12,168 juta). Peningkatan ini dijangka disumbang oleh duti eksais ke atas kenderaan yang berjumlah RM7,259 juta (2015: RM7,119 juta) serta kutipan duti eksais ke atas rokok sebanyak RM3,582 juta (2015: RM3,513 juta). Manakala duti eksais ke atas minuman beralkohol dianggar lebih tinggi pada RM1,562 juta (2015: RM1,532 juta).

37. Pada tahun 2016, kutipan GST dijangka meningkat kepada RM39,000 juta (2015: RM27,000 juta). GST ke atas barang dan perkhidmatan tempatan yang merupakan penyumbang utama kepada kutipan keseluruhan GST dianggar berjumlah RM21,729 juta (55.7%), manakala GST Import (44.3%) dianggar mencatat RM17,271 juta.

38. Levi kenderaan barang dianggar kekal pada paras RM150 juta. Manakala tiada levi keuntungan luar biasa dijangka daripada buah kelapa sawit ekoran harga purata CPO pada RM2,400 setiap tan metrik. Hasil pelbagai cukai tidak langsung dijangka meningkat 4% kepada RM2,626 juta (2015: RM2,525 juta).

#### **Hasil Bukan Cukai**

39. Anggaran bagi **hasil bukan cukai** tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 8**. Hasil bukan cukai dijangka jatuh sebanyak 20.9% kepada RM39,648 juta (2015: RM50,095 juta).

**Jadual 8: Hasil Bukan Cukai**

Sumber	2015 Anggaran Disemak	2016 Anggaran Bajet		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Lesen & Permit	12,460	12,626	31.9	166	1.3
Bayaran Perkhidmatan	1,435	1,510	3.8	75	5.2
Perolehan daripada Jualan Barang	465	211	0.5	(254)	(54.6)
Sewaan	109	120	0.3	11	10.1
Faedah & Perolehan Pelaburan	32,172	21,452	54.1	(10,720)	(33.3)
Denda & Penalti	1,158	1,223	3.1	65	5.6
Lain-Lain	2,296	2,506	6.3	210	9.1
<b>JUMLAH</b>	<b>50,095</b>	<b>39,648</b>	<b>100.0</b>	<b>(10,447)</b>	<b>(20.9)</b>

40. Lesen dan permit dijangka meningkat 1.3% kepada RM12,626 juta (2015: RM12,460 juta). Peningkatan ini disumbang oleh jangkaan kutipan lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, faedah dan pulangan pelaburan dianggar berkurang 33.3% kepada RM21,452 juta (2015: RM32,172 juta) disebabkan jangkaan terimaan dividen PETRONAS dan Bank Negara Malaysia yang lebih rendah.

#### **Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Daripada Wilayah Persekutuan**

41. **Terimaan bukan hasil** dianggar meningkat 2.1% kepada RM1,504 juta (2015: RM1,473 juta) disumbang oleh pulangan balik perbelanjaan am dan wang tak dituntut. **Hasil daripada Wilayah Persekutuan** diunjur 9.4% lebih tinggi kepada RM951 juta (2015: RM869 juta) disumbang terutamanya oleh bayaran premium dan cukai tanah yang lebih tinggi.

Perbadanan Malaysia  
Kementerian Kewangan Malaysia

23 Oktober 2015

**LAMPIRAN A1**

**PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2015 BERBANDING DENGAN  
KUTIPAN SEBENAR TAHUN 2014**

	2014 Kutipan Sebenar		2015 Anggaran Disemak		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>164,205</b>	<b>74.4</b>	<b>170,018</b>	<b>76.4</b>	<b>5,813</b>	<b>3.5</b>
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>126,743</b>	<b>57.4</b>	<b>116,760</b>	<b>52.5</b>	<b>(9,983)</b>	<b>(7.9)</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	118,996	53.9	108,362	48.7	(10,634)	(8.9)
Cukai Pendapatan Individu	24,423	11.1	28,155	12.7	3,732	15.3
Cukai Pendapatan Syarikat	65,240	29.6	68,320	30.7	3,080	4.7
Cukai Pendapatan Petroleum	26,956	12.2	9,529	4.3	(17,427)	(64.6)
Cukai Pegangan	2,184	1.0	2,264	1.0	80	3.7
Cukai Pendapatan Koperasi	169	0.1	71	0.0	(98)	(58.0)
Lain-Lain	24	0.0	23	0.0	(1)	(4.2)
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	7,747	3.5	8,398	3.8	651	8.4
Duti Setem	6,458	2.9	6,188	2.8	(270)	(4.2)
Cukai Keuntungan Harta Tanah	1,210	0.5	2,128	1.0	918	75.9
Lain-Lain	79	0.0	82	0.0	3	3.8
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>37,462</b>	<b>17.0</b>	<b>53,258</b>	<b>23.9</b>	<b>15,796</b>	<b>42.2</b>
1.3 DUTI EKSPORT	1,893	0.9	1,053	0.5	(840)	(44.4)
Petroleum Mentah	1,577	0.7	904	0.4	(673)	(42.7)
Minyak Kelapa Sawit	310	0.1	137	0.1	(173)	(55.8)
Lain-Lain	6	0.0	12	0.0	6	100.0
1.4 DUTI IMPORT	2,670	1.2	2,727	1.2	57	2.1
Minuman Beralkohol	107	0.0	117	0.1	10	9.3
Rokok	37	0.0	45	0.0	8	21.6
Kenderaan Bermotor	775	0.4	742	0.3	(33)	(4.3)
Lain-Lain	1,751	0.8	1,823	0.8	72	4.1
1.5 DUTI EKSAIS	12,925	5.9	12,168	5.5	(757)	(5.9)
Minuman Beralkohol	1,500	0.7	1,532	0.7	32	2.1
Rokok	3,417	1.5	3,513	1.6	96	2.8
Kenderaan Bermotor	8,003	3.6	7,119	3.2	(884)	(11.0)
Lain-Lain	5	0.0	4	0.0	(1)	(20.0)

**LAMPIRAN A1 – (Samb.)**

**PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN – (Samb.)**

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2015 BERBANDING DENGAN  
KUTIPAN SEBENAR TAHUN 2014 – (Samb.)**

		2014 Kutipan Sebenar		2015 Anggaran Disemak		Pertumbuhan	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	10,939	5.0	4,784	2.2	(6,155)	(56.3)
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	6,277	2.8	2,851	1.3	(3,426)	(54.6)
1.8	LEVI	216	0.1	150	0.1	(66)	(30.6)
1.9	PELBAGAI CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,542	1.2	2,525	1.1	(17)	(0.7)
1.10	CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)	–	–	27,000	12.1	27,000	–
<b>2</b>	<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>53,899</b>	<b>24.4</b>	<b>50,095</b>	<b>22.5</b>	<b>(3,804)</b>	<b>(7.1)</b>
2.1	LESEN DAN PERMIT	14,254	6.5	12,460	5.6	(1,794)	(12.6)
	Royalti Petroleum	6,532	3.0	4,415	2.0	(2,117)	(32.4)
	Lesen Kenderaan Bermotor	2,532	1.1	2,697	1.2	165	6.5
	Levi Pekerja Asing	2,638	1.2	2,699	1.2	61	2.3
	Lain-Lain	2,552	1.2	2,649	1.2	97	3.8
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,452	0.7	1,435	0.6	(17)	(1.2)
2.3	PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANG	1,096	0.5	465	0.2	(631)	(57.6)
2.4	SEWAAN	188	0.1	109	0.0	(79)	(42.0)
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN PELABURAN	33,756	15.3	32,172	14.5	(1,584)	(4.7)
	Dividen PETRONAS	29,000	13.1	26,000	11.7	(3,000)	(10.3)
	Dividen Bank Negara	1,500	0.7	3,000	1.3	1,500	100.0
	Dividen Khazanah	250	0.1	1,000	0.4	750	300.0
	Lain-Lain	3,006	1.4	2,172	1.0	(834)	(27.7)
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,117	0.5	1,158	0.5	41	3.7
2.7	MTJA	2,031	0.9	2,170	1.0	139	6.8
2.8	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	5	0.0	126	0.1	121	2,420.0
<b>3</b>	<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>1,667</b>	<b>0.8</b>	<b>1,473</b>	<b>0.7</b>	<b>(194)</b>	<b>(11.6)</b>
<b>4</b>	<b>HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>855</b>	<b>0.4</b>	<b>869</b>	<b>0.4</b>	<b>14</b>	<b>1.6</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>220,626</b>	<b>100.0</b>	<b>222,455</b>	<b>100.0</b>	<b>1,829</b>	<b>0.8</b>

**LAMPIRAN A2**

**PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**ANGGARAN BAJET TAHUN 2016 BERBANDING DENGAN  
ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2015**

	2015 Anggaran Disemak		2016 Anggaran Bajet		Pertumbuhan	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>170,018</b>	<b>76.4</b>	<b>183,553</b>	<b>81.3</b>	<b>13,535</b>	<b>8.0</b>
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>116,760</b>	<b>52.5</b>	<b>125,566</b>	<b>55.6</b>	<b>8,806</b>	<b>7.5</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	108,362	48.7	116,558	51.7	8,196	7.6
Cukai Pendapatan Individu	28,155	12.7	30,266	13.4	2,111	7.5
Cukai Pendapatan Syarikat	68,320	30.7	74,381	33.0	6,061	8.9
Cukai Pendapatan Petroleum	9,529	4.3	9,331	4.1	(198)	(2.1)
Cukai Pegangan	2,264	1.0	2,473	1.1	209	9.2
Cukai Pendapatan Koperasi	71	0.0	84	0.0	13	18.3
Lain-Lain	23	0.0	23	0.0	—	—
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	8,398	3.8	9,008	4.0	610	7.3
Duti Setem	6,188	2.8	6,766	3.0	578	9.3
Cukai Keuntungan Harta Tanah	2,128	1.0	2,163	1.0	35	1.6
Lain-Lain	82	0.0	79	0.0	(3)	(3.7)
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>53,258</b>	<b>23.9</b>	<b>57,987</b>	<b>25.7</b>	<b>4,729</b>	<b>8.9</b>
1.3 DUTI EKSPORT	1,053	0.5	1,012	0.4	(41)	(3.9)
Petroleum Mentah	904	0.4	900	0.4	(4)	(0.4)
Minyak Kelapa Sawit	137	0.1	96	0.0	(41)	(29.9)
Lain-Lain	12	0.0	16	0.0	4	33.3
1.4 DUTI IMPORT	2,727	1.2	2,791	1.2	64	2.3
Minuman Beralkohol	117	0.1	123	0.1	6	5.1
Rokok	45	0.0	46	0.0	1	2.2
Kenderaan Bermotor	742	0.3	731	0.3	(11)	(1.5)
Lain-Lain	1,823	0.8	1,891	0.8	68	3.7
1.5 DUTI EKSAIS	12,168	5.5	12,408	5.5	240	2.0
Minuman Beralkohol	1,532	0.7	1,562	0.7	30	2.0
Rokok	3,513	1.6	3,582	1.6	69	2.0
Kenderaan Bermotor	7,119	3.2	7,259	3.2	140	2.0
Lain-Lain	4	0.0	5	0.0	1	25.0

**LAMPIRAN A2 – (Samb.)**

**PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN – (Samb.)**

**ANGGARAN BAJET TAHUN 2016 BERBANDING DENGAN  
ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2015 – (Samb.)**

		2015 Anggaran Disemak		2016 Anggaran Bajet		Pertumbuhan	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	4,784	2.2	–	–	(4,784)	–
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	2,851	1.3	–	–	(2,851)	–
1.8	LEVI	150	0.1	150	0.1	–	–
1.9	PEKBAGAI CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,525	1.1	2,626	1.2	101	4.0
1.10	CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)	27,000	12.1	39,000	17.3	12,000	44.4
<b>2</b>	<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>50,095</b>	<b>22.5</b>	<b>39,648</b>	<b>17.6</b>	<b>(10,447)</b>	<b>(20.9)</b>
2.1	LESEN DAN PERMIT	12,460	5.6	12,626	5.6	166	1.3
	Royalti Petroleum	4,415	2.0	3,169	1.4	(1,246)	(28.2)
	Lesen Kenderaan Bermotor	2,697	1.2	2,957	1.3	260	9.6
	Levi Pekerja Asing	2,699	1.2	3,221	1.4	522	19.3
	Lain-Lain	2,649	1.2	3,279	1.5	630	23.8
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,435	0.6	1,510	0.7	75	5.2
2.3	PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANG	465	0.2	211	0.1	(254)	(54.6)
2.4	SEWAAN	109	0.0	120	0.1	11	10.1
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN PELABURAN	32,172	14.5	21,452	9.5	(10,720)	(33.3)
	Dividen PETRONAS	26,000	11.7	16,000	7.1	(10,000)	(38.5)
	Dividen Bank Negara	3,000	1.3	2,000	0.9	(1,000)	(33.3)
	Dividen Khazanah	1,000	0.4	1,000	0.4	–	–
	Lain-Lain	2,172	1.0	2,452	1.1	280	12.9
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,158	0.5	1,223	0.5	65	5.6
2.7	MTJA	2,170	1.0	2,368	1.0	198	9.1
2.8	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	126	0.1	138	0.1	12	9.5
<b>3</b>	<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>1,473</b>	<b>0.7</b>	<b>1,504</b>	<b>0.7</b>	<b>31</b>	<b>2.1</b>
<b>4</b>	<b>HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>869</b>	<b>0.4</b>	<b>951</b>	<b>0.4</b>	<b>82</b>	<b>9.4</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>222,455</b>	<b>100.0</b>	<b>225,656</b>	<b>100.0</b>	<b>3,201</b>	<b>1.4</b>

# **ESTIMATES OF FEDERAL GOVERNMENT REVENUE FOR 2016**

Headlines

---

**MINISTRY OF FINANCE  
MALAYSIA**



**TREASURY MEMORANDUM ON  
THE FEDERAL GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES FOR 2016**

1. This Memorandum explains the revenue estimates of the Federal Government for 2016 and the revised revenue for 2015. The Memorandum is prepared in accordance with Article 99 of the Federal Constitution.

2. The Federal Government revenue for 2016 is estimated at **RM225,656 million**. The amount has not taken into account the tax measures announced in the 2016 Budget. Detailed actual collection for 2014, revised estimates for 2015 and estimates of 2016 revenue are in **Appendix A1** and **A2**.

**CLASSIFICATION OF REVENUE**

3. The Federal Government revenue is classified into 4 main categories, namely **Tax Revenue, Non-Tax Revenue, Non-Revenue Receipts and Revenue from Federal Territories**.

4. **Tax Revenue** is classified into Direct Tax Revenue and Indirect Tax Revenue.

5. Direct Tax Revenue includes:

- a. Income tax (individual, company, petroleum, withholding and cooperative);
- b. Stamp duty;
- c. Real Property Gains Tax (RPGT); and
- d. Labuan business activity tax.

6. Indirect Tax Revenue includes revenue from Goods and Services Tax (GST), export duties, import duties, excise duties and levies. Meanwhile, sales tax and service tax are charged for the period of January to March 2015 before being replaced by the GST from 1 April 2015.

7. **Non-Tax Revenue** consists of:

- a. licences and permits: all charges imposed on the granting of rights to individuals, corporations, businesses including petroleum royalty and other enterprises as well as motor vehicle licences for purpose of control or regulation;
- b. service fees: receipts from services rendered by the Federal Government to the public;
- c. proceeds from sales of goods: receipts from the sales of physical assets owned by the Government including land, buildings, office equipment, storage facilities and the sale of miscellaneous goods to the public;
- d. rentals: rentals on land, buildings, vehicles and machinery;
- e. interest and return on investments: proceeds from divestment, dividends from shares, interest income and coupon bonds as well as interest on loans granted by the Government;
- f. fines and penalties: out-of-court settlement fees as well as fines and forfeitures;
- g. contributions and compensations received locally and from abroad; and
- h. income from exploration of oil and gas: income from petroleum operations under Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA).

8. **Non-Revenue Receipts** include:

- a. refund of expenditures: payments from previous years, refund of salaries arising from resignations, refund of training expenses, refund of trust funds and unclaimed monies; and
- b. inter-departmental credits: transfer of funds between ministries or departments for services rendered between Government agencies; reimbursements of the Government's contributions under the Employees Provident Fund (EPF) scheme and contributions from Government departments, statutory bodies or Government -owned companies.

9. **Revenue from Federal Territories** consists of tax and non-tax revenue including receipts from licences and permits, land premiums and quit rent, sales of assets, rentals, service fees and entertainment duties.

### **REVISED ESTIMATES OF 2015 FEDERAL GOVERNMENT REVENUE**

10. The revised estimates of 2015 Federal Government revenue is expected to increase by 0.8% to RM222,455 million (2014: RM220,626 million). The increase in revenue is mainly contributed by GST collection from 1 April 2015. GST collection is estimated at RM27,000 million for the year. However, the overall increment is marginal due to the revised average Dated Brent price assumption from USD100 per barrel to USD50 per barrel, in line with lower global crude oil prices. A summary of the revised revenue estimates for 2015 compared with actual collection in 2014 is shown in **Table 1**.

**Table 1: Summary of Revenue Main Components**

<b>Classification</b>	<b>2014 Actual</b>	<b>2015 Revised Estimate</b>		<b>Growth</b>	
	(RM million)	(RM million)	(%)	(RM million)	(%)
<b>Tax Revenue</b>	<b>164,205</b>	<b>170,018</b>	<b>76.4</b>	<b>5,813</b>	<b>3.5</b>
Direct Tax	126,743	116,760	52.5	(9,983)	(7.9)
Indirect Tax	37,462	53,258	23.9	15,796	42.2
<b>Non-Tax Revenue</b>	<b>53,899</b>	<b>50,095</b>	<b>22.5</b>	<b>(3,804)</b>	<b>(7.1)</b>
<b>Non-Revenue Receipts</b>	<b>1,667</b>	<b>1,473</b>	<b>0.7</b>	<b>(194)</b>	<b>(11.6)</b>
<b>Revenue from Federal Territories</b>	<b>855</b>	<b>869</b>	<b>0.4</b>	<b>14</b>	<b>1.6</b>
<b>TOTAL REVENUE</b>	<b>220,626</b>	<b>222,455</b>	<b>100.0</b>	<b>1,829</b>	<b>0.8</b>

### **TAX REVENUE**

11. The revised **tax revenue** for 2015 is projected at RM170,018 million (76.4%) of the total Federal Government revenue (RM222,455 million). Direct tax remains the largest component and is expected to contribute 52.5% to total revenue while indirect tax accounts for 23.9%.

#### **Direct Tax**

12. **Direct tax** revised revenue estimate for 2015 is shown in **Table 2**. Direct tax revenue is expected to decline by 7.9% to RM116,760 million, representing 68.7% of the total tax revenue or 52.5% of total revenue.

**Table 2: Direct Tax Revenue**

Source	2014 Actual	2015 Revised Estimate		Growth	
	(RM million)	(RM million)	(%)	(RM million)	(%)
<b>Income Tax</b>	<b>118,996</b>	<b>108,362</b>	<b>92.8</b>	<b>(10,634)</b>	<b>(8.9)</b>
Individual	24,423	28,155	24.1	3,732	15.3
Company	65,240	68,320	58.5	3,080	4.7
Petroleum	26,956	9,529	8.2	(17,427)	(64.6)
Withholding	2,184	2,264	1.9	80	3.7
Cooperatives	169	71	0.1	(98)	(58.0)
Others	24	23	0.0	(1)	(4.2)
<b>Other Direct Tax</b>	<b>7,747</b>	<b>8,398</b>	<b>7.2</b>	<b>651</b>	<b>8.4</b>
Stamp Duty	6,458	6,188	5.3	(270)	(4.2)
Real Property Gains Tax	1,210	2,128	1.8	918	75.9
Others	79	82	0.1	3	3.8
<b>TOTAL</b>	<b>126,743</b>	<b>116,760</b>	<b>100.0</b>	<b>(9,983)</b>	<b>(7.9)</b>

13. **Income tax** is expected to decline by 8.9% to RM108,362 million (2014: RM118,996 million). The decline in income tax is due to the reduction in petroleum income tax by RM17,427 million (-64.6%) compared to 2014. Income tax is expected to contribute 92.8% to direct tax with the main components comprising company income tax (58.5%), individual income tax (24.1%) and petroleum income tax (8.2%).

14. The company income tax is expected to increase by 4.7% to RM68,320 million in 2015 (2014: RM65,240 million) in line with sustained GDP growth of 4.5% – 5.5%, higher tax compliance and a more comprehensive auditing.

15. In 2015, individual income tax collection is expected to increase by 15.3% to RM28,155 million underpinned by stable employment and wage growth despite a reduction in tax rate between 1% – 3% for all income brackets effective 2015. In addition, the higher number of taxpayers by 10,240 person to 2.1 million tax payers is expected to contribute to the higher collection of individual income tax.

16. Revenue from petroleum income tax in 2015 is expected to drop significantly by 64.6% to RM9,529 million (2014: RM26,956 million). This is due to the downward revision of monthly tax instalment by petroleum-related companies in line with lower global crude oil prices.

17. Revenue from **other direct tax** comprising stamp duties, RPGT and other taxes is expected to increase by 8.4% to RM8,398 million in 2015. The increase is mainly contributed by RPGT amounting to RM2,128 million (2014: RM1,210 million) due to the increase in RPGT rates as announced in the 2015 Budget.

#### **Indirect Tax**

18. The indirect tax revenue estimates for 2015 is shown in **Table 3**. Indirect tax is expected to contribute RM53,258 million, an increase of RM15,796 million compared to 2014.

**Table 3: Indirect Tax Revenue**

Source	2014 Actual	2015 Revised Estimate		Growth	
	(RM million)	(RM million)	(%)	(RM million)	(%)
Export Duty	1,893	1,053	2.0	(840)	(44.4)
Import Duty	2,670	2,727	5.1	57	2.1
Excise Duties	12,925	12,168	22.8	(757)	(5.9)
Sales Tax	10,939	4,784	9.0	(6,155)	(56.3)
Service Tax	6,277	2,851	5.4	(3,426)	(54.6)
GST	–	27,000	50.7	27,000	–
Levy	216	150	0.3	(66)	(30.6)
Others	2,542	2,525	4.7	(17)	(0.7)
<b>TOTAL</b>	<b>37,462</b>	<b>53,258</b>	<b>100.0</b>	<b>15,796</b>	<b>42.2</b>

19. Export duty collection is estimated to decrease significantly by 44.4% (RM840 million) to RM1,053 million (2014: RM1,893 million) due to the decline in global crude oil prices. Crude petroleum is the largest contributor to export duty collection.

20. Import duty collection is expected to increase marginally by 2.1% to RM2,727 million or 5.1% of total indirect tax. The increase will mainly be contributed by iron and steel, vehicle tyres as well as resins and plastic materials.

21. Excise duties is expected to fall by 5.9% to RM12,168 million (2014: RM12,925 million) primarily due to the anticipated lower demand for motor vehicles. In the first half of 2015, sales of motor vehicles declined by 3.3% compared to 2014 and the trend is expected to continue in the second half of the year. However, excise duties on cigarettes is expected to increase by 2.8% to RM3,513 million (2014: RM3,417 million). Excise duties on alcoholic beverage is expected to increase by 2.1% to RM1,532 million (2014: RM1,500 million).

22. On 1 April 2015, GST replaced the sales tax and service tax. GST collection is expected at RM27,000 million for the remaining nine months of the year. Of this, GST on local goods and services is estimated RM13,845 million (51.3%) while the GST on imports is estimated at RM13,155 million (48.7%). The revised estimate is due to the increase in the number of companies registered at 390,378 as of end-September 2015 compared to the original estimate of 146,000 companies. The additional registrants have increased the level of tax compliance. In addition, the sales tax and service tax are estimated to record RM7,635 million for the period January to March 2015.

23. Levy collection is expected to decrease by 30.6% to RM150 million (2014: RM216 million). This is due to the lower average crude palm oil (CPO) price estimated at RM2,300 per metric tonne (2014: RM2,584 per metric tonne) which is below the threshold<sup>1</sup>. In addition, miscellaneous indirect tax collection in 2015 is expected to remain stable at about RM2,500 million.

<sup>1</sup> Threshold for windfall profit levy on palm fruit in Peninsular Malaysia is RM2,500 per metric tonne while in Sabah and Sarawak, at RM3,000 per metric tonne.

## NON-TAX REVENUE

24. **Non-tax revenue** in 2015 is estimated to decline by 7.1% to RM50,095 million mainly due to lower receipts from licences and permits at RM12,460 million as well as interest and return on investments at RM32,172 million, as shown in **Table 4**.

**Table 4: Non-Tax Revenue**

Source	2014 Actual	2015 Revised Estimate		Growth	
	(RM million)	(RM million)	(%)	(RM million)	(%)
Licences & Permits	14,254	12,460	24.9	(1,794)	(12.6)
Service Fees	1,452	1,435	2.9	(17)	(1.2)
Proceeds from Sales of Goods	1,096	465	0.9	(631)	(57.6)
Rentals	188	109	0.2	(79)	(42.0)
Interest & Return on Investments	33,756	32,172	64.2	(1,584)	(4.7)
Fines & Penalties	1,117	1,158	2.3	41	3.7
Others	2,036	2,296	4.6	260	12.8
<b>TOTAL</b>	<b>53,899</b>	<b>50,095</b>	<b>100.0</b>	<b>(3,804)</b>	<b>(7.1)</b>

25. The decline in licences and permit is mainly due to lower petroleum royalty collection by 32.4% to RM4,415 million (2014: RM6,532 million). However, motor vehicle licences are estimated to surge by 6.5% to RM2,697 million (2014: RM2,532 million). Levy on foreign workers is estimated to increase by 2.3% to RM2,699 million (2014: RM2,638 million). However, interest and return on investments are projected to decline by 4.7% primarily due to lower dividends from PETRONAS.

## NON-REVENUE RECEIPTS AND REVENUE FROM FEDERAL TERRITORIES

26. **Non-revenue receipts** are expected to decline by 11.6% to RM1,473 million (2014: RM1,667 million). However, **revenue from Federal Territories** is estimated to increase by 1.6% to RM869 million (2014: RM855 million) contributed mainly by premium and quit rent as well as entertainment duties.

## ESTIMATES OF FEDERAL GOVERNMENT REVENUE FOR 2016

27. Total Federal Government revenue for 2016, before taking into account tax measures in the 2016 Budget, is estimated to increase by 1.4% to RM225,656 million (2015: RM222,455 million).

28. **Tax revenue** in 2016 is estimated at RM183,553 million or 81.3% of Federal Government revenue. Direct tax collection is expected to contribute RM125,566 million or 55.6% of total revenue, while indirect tax, RM57,987 million or 25.7% of total revenue. The contribution of **non-tax revenue** is estimated at RM39,648 million (17.6%) while the balance of RM2,455 million (1.1%) comprises **non-revenue receipts** and **revenue from Federal Territories**. A summary of the main components are in **Table 5**. The comparison of 2016 revenue estimates with 2015 revised estimates are shown in **Appendix A2**.

**Table 5: Summary of Main Revenue Components**

Classification	2015 Revised	2016 Budget Estimate		Growth	
	(RM million)	(RM million)	(%)	(RM million)	(%)
<b>Tax Revenue</b>	<b>170,018</b>	<b>183,553</b>	<b>81.3</b>	<b>13,535</b>	<b>8.0</b>
Direct Tax	116,760	125,566	55.6	8,806	7.5
Indirect Tax	53,258	57,987	25.7	4,729	8.9
<b>Non-Tax Revenue</b>	<b>50,095</b>	<b>39,648</b>	<b>17.6</b>	<b>(10,447)</b>	<b>(20.9)</b>
<b>Non-Revenue Receipts</b>	<b>1,473</b>	<b>1,504</b>	<b>0.7</b>	<b>31</b>	<b>2.1</b>
<b>Revenue from Federal Territories</b>	<b>869</b>	<b>951</b>	<b>0.4</b>	<b>82</b>	<b>9.4</b>
<b>TOTAL REVENUE</b>	<b>222,455</b>	<b>225,656</b>	<b>100.0</b>	<b>3,201</b>	<b>1.4</b>

#### Direct Tax

29. **Direct tax revenue** estimates in 2016 are shown in **Table 6**. Direct tax is estimated to contribute RM125,566 million or 68.4% of total tax revenue.

**Table 6: Direct Tax Revenue**

Source	2015 Revised Estimate	2016 Budget Estimate		Growth	
	(RM million)	(RM million)	(%)	(RM million)	(%)
<b>Income Tax</b>	<b>108,362</b>	<b>116,558</b>	<b>92.8</b>	<b>8,196</b>	<b>7.6</b>
Individual	28,155	30,266	24.1	2,111	7.5
Company	68,320	74,381	59.2	6,061	8.9
Petroleum	9,529	9,331	7.4	(198)	(2.1)
Withholding	2,264	2,473	2.0	209	9.2
Cooperatives	71	84	0.1	13	18.3
Others	23	23	0.0	—	—
<b>Other Direct Tax</b>	<b>8,398</b>	<b>9,008</b>	<b>7.2</b>	<b>610</b>	<b>7.3</b>
Stamp Duty	6,188	6,766	5.4	578	9.3
